

## **UCAPAN DASAR**

**SDR. MOHAMED MALIKI MOHAMED RAPIEE**  
**Presiden MAJLIS BELIA MALAYSIA**

**Sempena MAJLIS PERHIMPUNAN AGUNG TAHUNAN KE-59**  
**MAJLIS BELIA MALAYSIA (MBM)**

Yang Berusaha Saudara / Saudari Pengacara Majlis,  
Ybhg Puan Pengerusi Tetap MBM,  
Saudara Timbalan Pengerusi Tetap MBM,  
Ybhg Timbalan Presiden MBM,  
Ybhg Dato' Ketua Pengarah KBSM,  
Ybhg Dato' / Saudara Pengerusi / Presiden Badan Gabungan MBM,  
Naib-Naib Presiden MBM,  
Setiausaha Agung MBM, Ahli Jawatankuasa Kerja MBM,  
Ahli-Ahli Dewan Tertinggi MBM,  
Para Perwakilan MPAT Ke 59,

Seterusnya Para Pemerhati yang dihormati sekalian.

*Assalamualaikum w.m.t* dan salam sejahtera.....

Pertama sekali saya ingin merakamkan ucapan berbanyak terima kasih kepada seluruh perwakilan yang hadir ke MPAT kali ke 59 di atas komitmen saudara saudari dalam menjayakan mesyuarat yang pertama kali diadakan bagi kepimpinan baru sesi 2010 – 2012 ini. Kehadiran saudara saudari amatlah memberi makna kepada MBM yang kini dalam usaha untuk memartabatkan lagi pergerakan belia di bawah Akta Pertubuhan dan Pembangunan Belia 2007 yang telah pun dikuatkuasakan.

Saudara dan saudari sekalian,

Majlis Belia Malaysia (MBM) sesungguhnya amat berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak, Perdana Menteri Malaysia di atas peruntukkan khas yang telah diumumkan beliau ketika majlis Perhimpunan Hari Belia Negara 2010 lalu di Putrajaya. Peruntukkan yang berjumlah RM10 juta ini dilihat sebagai salah satu penghargaan dan pengiktirafan oleh pihak kerajaan terhadap pergerakan belia di negara ini. Dengan peruntukkan tersebut, MBM berjanji akan menyalurkannya kepada pergerakan belia melalui aktiviti-aktiviti yang akan dirancang bersama dengan badan gabungan. Justeru itu, MBM memohon badan gabungan MBM agar dapat memberi idea dan cadangan yang bernas demi kepentingan generasi muda. MBM percaya, jika kita bergerak seiringan dalam mencapai objektif ini, kita akan berjaya seterusnya kembali mengukuhkan kepercayaan golongan belia kepada kerajaan.

Saudara dan saudari sekalian,

Penganjuran Hari Belia Negara (HBN) pada tahun ini merupakan penganjuran terbesar berbanding dengan sebelum ini. Sambutan ini juga amat berbeza sama sekali kerana ianya telah melibatkan seluruh menteri kabinet, pelbagai pihak swasta malah para pemimpin belia pada semua peringkat dalam menjayakan sambutan yang diadakan selama tiga hari di sekitar Putrajaya. Selaku penganjur utama bersama Kementerian Belia dan Sukan Malaysia (KBS), MBM melihat masih ada banyak lagi ruang yang perlu diberi perhatian terutamanya yang melibatkan penyertaan serta penonjolan badan-badan gabungan. Oleh itu, bagi memberi ruang kepada seluruh badan gabungan untuk turut sama dalam HBN tahun hadapan, MBM menyeru seluruh badan gabungan agar dapat memberi cadangan serta input untuk dimajukan kepada pihak KBS. MBM tidak mahu lagi dikenali sebagai badan induk pertubuhan belia yang hanya menyediakan peserta kepada program HBN semata-mata. MBM mahu kita turut terlibat secara langsung dalam HBN sebagai penganjur kepada program-program dalam HBN. Sudah sampai masanya kita kena berani untuk menguruskan sendiri program-program HBN dan bukan sekadar memberi idea untuk diangkat oleh pihak lain.

Saudara dan saudari sekalian,

Sidang kali ini merupakan sidang yang bernafas baru kerana seluruh perwakilan pada kali ini adalah pemimpin belia yang berumur bawah 40 tahun seperti yang termaktub dalam akta 668. Kini, MBM sedang mengorak langkah untuk lebih ke depan. Dibarisi kepemimpinan yang baru dan muda di peringkat umur bawah 40 tahun, pelbagai agenda dan program telah pun disusun bagi memperkemas agenda dan gerakan belia di negara ini.

Saidina Ali pernah mengingatkan kita bahawa *“kebaikan tanpa perancangan boleh dikalahkan oleh kejahatan yang terancang”*.

Oleh sebab itu, MBM akan memastikan bahawa perancangan pada tahun ini, akan memberi kesan positif yang besar kepada pembangunan Negara.

Tahun ini menampakkan perubahan ketara barisan kepemimpinan MBM, terdapat muka-muka baru yang masih muda. Sejajar dengan hasrat Kementerian Belia dan Sukan, di bawah Akta yang baru dikuatkuasakan, memberi ketetapan bahawa belia pada hari ini berumur sekitar lima belas hingga empat puluh tahun. Pastinya, tugas besar sedang menanti kepemimpinan muda golongan belia untuk bagaimana kita *‘tackle’* minat dan kecenderungan generasi belia sekarang. Perkara ini pastinya sesuatu yang tidak mudah untuk kita hadapi. Oleh sebab itu, melalui perancangan yang rapi sahaja mampu untuk kita menggerakkan agenda-agenda dan program-program belia.

Saudara dan saudari sekalian,

Sebagai badan induk pertubuhan belia, ingin saya mengajak rakan-rakan perwakilan semua untuk kita memberi tumpuan kepada beberapa perkara dasar dan utama kepada pergerakan pertubuhan kita ini:

**Pertama**, MBM mengajak para belia untuk kembali menghayati perlembagaan Negara atau lebih dikenali sebagai perlembagaan Malaysia. Perlembagaan Malaysia telah dirangka lebih 50 tahun yang lalu. Ia merupakan satu dokumen undang-undang bertulis yang telah dibentuk berasaskan kepada dua dokumen terdahulu iaitu Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 dan Perlembagaan Kemerdekaan tahun [1957](#). Matlamat utama dirangka sedemikian rupa bentuk isi kandungan perlembagaan Malaysia adalah mengikut situasi dan kesesuaian bagi masyarakat di Malaysia. Dalam menghadapi permasalahan Negara, MBM berharap agar para belia kembali merujuk kepada perlembagaan yang sedia ada. Ianya akan membantu kita menyelesaikan masalah yang timbul. MBM tidak mahu, belia generasi hari ini, buta undang-undang, dan meminggirkan undang-undang yang sedia ada.

**Kedua**, kembali menguatkan belia akar umbi. Kembali ke ‘grassroot’ atau akar umbi adalah penting bagi memperkuat hubungan antara MBM dan para belia. MBM tidak mahu dilihat seperti ‘teratai’. Teratai yang kembang mekar di atas, cantik bunganya timbul di permukaan air, tetapi akarnya tidak mencecah ke bumi. Perumpamaan ini juga boleh diibaratkan seperti kita, pendukung organisasi belia. Kita tidak mahu pemimpin belia dilabel hebat oleh sesetengah pihak sahaja khususnya pihak atasan semata-mata tetapi pada masa yang sama, belia di bawah tidak mengiktiraf pemimpin-pemimpin mereka. Apa maknanya pemimpin belia gah di awangan-awangan, tetapi pengikut bawahan tidak menyokong hasrat dan agenda yang hendak dibawa? Pemimpin-pemimpin harus berani untuk membawa perubahan. Kerana perubahan ke arah positif itu, mampu melahirkan pengikut-pengikut yang setia untuk sama-sama berjuang. Pemimpin besar India, Mahatma Gandhi pernah menyebut, “*Be the change you want to see in this world*”. Justeru, kembali memperkuat hubungan dengan akar umbi adalah sangat penting supaya pemimpin belia realistik dengan tindak tanduk mereka bagi menghadapi cabaran orang muda pada hari ini.

Dalam ruangan ini, sukacita saya titipkan 5 Rukun yang mesti dipegang dan dipraktikkan untuk melahirkan pemimpin pada masa depan sebagaimana yang ditulis oleh Dave Ulrich, Norm Smallwood dan Kate Sweetman di dalam buku yang bertajuk “The Leadership Code” iaitu;

- Rukun 1: Shape The Future*
- Rukun 2: Make Things Happen*
- Rukun 3: Engage Today’s Talent*
- Rukun 4: Build The Next Generation, dan*
- Rukun 5: Invest in Yourself*

**Ketiga**, menangani isu dan masalah kebeliaan. MBM melihat, isu negatif yang melibatkan para belia berada pada tahap serius. Terbaru, isu buang bayi, budaya merempit, penyalahgunaan dadah dan sebagainya masih berada di tahap kritikal. Dalam kes buang bayi misalnya, statistik menunjukkan bahawa berdasarkan statistik Jabatan Pendaftaran Negara sekitar tahun 2000 hingga 2008 terdapat 257,000 kanak-kanak yang didaftarkan tidak mempunyai nama bapa. Malangnya, hampir ke semua mereka yang terlibat dengan gejala ini terdiri dari lapisan golongan belia. Dalam menangani isu tersebut, MBM akan senantiasa menggerakkan program-program dan kempen-kempen bagi membantu pihak kerajaan mengatasi masalah-masalah yang sedang berlaku. Pada masa yang sama, MBM berhasrat agar belia-belie yang masih belum berpersatuan ini, diambil untuk menyertai kita dan organisasi kebeliaan yang lain. Malaysia terdiri daripada pelbagai ragam budaya dan bangsa. Justeru, Gagasan 1 Malaysia yang dibawakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, harus disahut bagi memastikan belia-belie faham maksud

sebenar 1 Belia, 1 Malaysia. Belia-belie yang terdiri dari pelbagai agama dan bangsa, tetapi memahami gagasan matlamat Negara yang mahukan belia bebas bersuara dan mempunyai keazaman yang tinggi untuk melihat Malaysia yang maju dan berjaya. MBM mengharapkan, agar rakyat Malaysia, khususnya belia, dipimpin dan dipandu sejajar dengan matlamat kerajaan yang inginkan pembangunan modal insan dipertingkatkan.

*“Sesungguhnya mereka itu pemuda-pemuda yang beriman kepada Tuhan mereka dan kami tambahkan hidayah (petunjuk) kepada mereka” (A-Quran; Ayat 13 : surah Al Kahfi )*

MBM berharap agar belia-belie kita, akan terus diberikan bimbingan serta panduan sewajarnya. Proses pembelajaran sepanjang masa atau memetik slogan GPMS iaitu *“Belajar Terus Belajar”* harus dijadikan pegangan para penggiat belia kita. Perbezaan umur yang tidak ketara itu, merupakan suatu peluang untuk kita mendekati mereka sekaligus dapat menjadikan mereka sebagai *“teman”* atau *“kawan”* sesuai dengan konsep mesra hubungan yang diamalkan MBM.

**Keempat**, Membina jaringan. MBM akan terus menjaga hubungan dengan NGO dan kerajaan. Baik dalam mahupun luar Negara. Kesemua jaringan yang ada ini penting supaya hubungan pelbagai hala baik dari segi idea, pendapat dan maklumat dapat dikongsi bersama. MBM akan menguatkan hubungan yang sedia ada. Pada masa yang juga, kami berharap agar dapat membina jaringan yang lebih baik lagi bersama-sama teman dan rakan dari Institut Pengajian Tinggi Awam dan Institut Pengajian Tinggi swasta, agensi-agensi industri serta swasta serta badan-badan 'Non Governmental Organization' (NGO) yang lain-lain. Pada peringkat antarabangsa pula, MBM mengharapkan agar dapat melebar jalur sayap menerusi agensi-agensi yang dilantik oleh PBB selain hubungan yang sedia ada bersama CAYC, AYC, WAY dan lain-lain. Peluang belajar pelbagai sudut ilmu dari negara-negara luar adalah amat penting supaya kita memiliki minda yang global dan dizahirkan pada peringkat lokal (*think globally, but we act locally*).

Dalam usaha membawa para belia memahami tema Belia Kreatif dan Inovatif, kami amat berharap agar para belia dapat diberikan pendedahan sewajarnya tentang perkara tersebut. Kreatif dan inovatif yang dimaksudkan ini, sangat berkait rapat dengan budaya positif dalam kehidupan. Bahkan Islam turut menganjurkan umatnya berfikiran terbuka untuk menerima perkara baru dalam kehidupan selagi mana tidak menyalahi hukum syarak. Sebagai contoh, dalam sejarah ketamadunan, Ibnu Sina atau Avicenna merupakan contoh seorang tokoh pertama umat Islam yang mula-mula memperkenalkan ilmu dalam bidang perubatan yang mana akhirnya ia dapat dimanfaatkan untuk manusia sejagat. Budaya kreatif dan inovatif yang ingin diperkenalkan ini, seharusnya berpaksikan kepada tunjangan budaya keilmuan yang tinggi.

Hal ini supaya, kreatif dan inovatif yang dimaksudkan dapat memberi erti dan makna sebenar ke dalam jiwa belia-belia di Malaysia dengan nilai dan acuan Malaysia. Selagi mana kreatif dan inovasi itu memberi manfaat kepada semua, maka penganjurannya amat-amatlah digalakkan.

Sebagai sebuah NGO yang berazam membawa perubahan positif kepada masyarakat, MBM sudah pasti akan sentiasa memegang fungsinya sebagai agen perubahan yang berkesan (agent of change) di negara ini. Sehubungan itu MBM berikrar akan membantu pihak kerajaan bagi menjayakan 6 Bidang Keberhasilan Utama Kebangsaan (National Key Result Area, NKRA) yang telah dan sedang dilaksanakan oleh kerajaan pada masa ini. Terdapat enam halatuju penting disebut oleh Perdana Menteri merangkumi bidang rasuah, jenayah, pengangkutan awam, pendidikan, membasmi kemiskinan dan peningkatan prasarana. Keenam-enam agenda yang hendak dibawa ini, pastinya memerlukan sokongan pelbagai pihak terutama golongan belia yang memperlihatkan jumlah terbesar rakyat di negara ini. Kami di MBM, menerusi keenam-enam perkara yang dinyatakan tadi, sedaya upaya untuk memberikan penerangan, menilai kesan dan manfaatnya dan seterusnya menggerakkan agar ia dapat dicapai sepenuhnya.

Saudara dan saudari sekalian,

Sempena perhimpunan ini juga, saya ingin mengajak seluruh warga belia untuk mengutuk sekeras-kerasnya tindakan biadap Rejim Israel yang menyerang konvoi bantuan kemanusiaan kepada rakyat Palestin di Gaza yang menyebabkan sekurang-kurangnya 19 orang terbunuh dan 30 lagi tercedera. MBM menyifatkan tindakan tersebut terlalu zalim dan diluar norma-norma kemanusiaan sejagat. Kejadian ini jelas menunjukkan sikap sebenar dan kerakusan Israel yang tidak pernah mengendahakan serta menghormati undang-undang antarabangsa.

Sehubungan itu, MBM mendesak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) segera campur tangan dalam isu ini dengan membuat ketetapan terhadap Israel di peringkat Majlis Keselamatan PBB. MBM juga mendesak kuasa-kuasa besar dunia yang diketuai Amerika Syarikat merangkap sebagai "*big brother*" kepada Israel untuk bertindak segera dengan memberi tekanan kepada Israel. Sikap berlembut PBB selama ini juga menyebabkan rejim ganas zionis bertindak membunuh dan melakukan jenayah perang semakin berleluasa.

Kebetulannya, saya baru sahaja pulang dari Rio de Janeiro untuk menyertai United Nations Alliance of Civilizations – Third Forum pada 27-29 Mei 2010 yang antara lainnya mengharapkan agar semua negara menjadikan

kepelbagaian yang wujud di dunia ini sebagai satu jambatan yang menghubungkan semua kebudayaan dan membina ke arah keamanan – *Bridging Cultures, Building Peace*. Lantas adalah amat ironi kerana kuasa-kuasa besar ini juga yang dalam masa yang sama mendakwa mereka adalah pelopor dan penegak keamanan dunia tetapi dalam masa yang sama tidak berbuat apa-apa terhadap isu keganasan regim Israel terhadap masyarakat Palestine. Malah di dalam forum di atas tadi juga kebanyakan perwakilan bersetuju bahawa isu konflik Israel – Palestine merupakan perkara asas yang menggugat keamanan dunia sehingga timbul pelbagai fenomena seperti *Intifada, Islamofobia dan Terrorism*. MBM tidak mahu, istilah keamanan dijadikan bahan publisiti dan komersil bagi sesetengah pihak serta negara sedangkan keamanan sebenar jauh dari jangkauan.

MBM merasakan sudah tiba masanya PBB bertindak lebih agresif bagi membolehkan rakyat yang tidak berdosa mendapat pembelaan sewajarnya seterusnya menghentikan kekejaman dan kerosakan yang telah dilakukan oleh Rejim Zionis. Sebagai generasi muda yang cintakan keamanan dunia, MBM melihat kejadian seumpama ini tidak sepatutnya berlaku bahkan misi bantuan kemanusiaan tidak perlu disekat memandangkan ianya tidak menyumbang kepada kepentingan politik sesebuah negara. MBM sekali lagi meminta pergerakan belia di seluruh dunia yang mencintai keamanan mengutuk tindakan ketenteraan Israel terhadap konvoi misi bantuan kemanusiaan ini.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada seluruh badan gabungan MBM yang tidak jemu-jemu untuk terus memperjuangkan nasib golongan belia seterusnya memartabatkannya ke peringkat yang lebih tinggi. Tanpa sokongan dan bantuan saudara saudari, MBM tidak akan berada di kedudukan seperti ini pada hari ini. Marilah kita bersama-sama mencari persamaan dan menjauhkan perbezaan kerana sesungguhnya dengan permuafakatan yang kita bina, akan terus menjadi asas untuk kita memperjuangkan golongan belia demi mencapai puncak kejayaan.

*Wabillahitaufik Walhidayah..w.m.t*

Terima kasih dan selamat bersidang.